



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 1/1987**

*Memasuki Tanah Milik Untuk Saluran Atas Berhubung
Dengan Projek Perbekalan Eiektrik Luar Bandar*

- I. Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memasuki tanah milik oleh Lembaga Letrik Negara kerana memasang saluran atas (over-head) voltan tinggi dan rendah yang melibatkan aspek berikut:
 - 1.1 Hak Lembaga Letrik Negara untuk memasuki, membuat kerja dan hak laluan saluran elektrik di atas tanah milik di bawah seksyen 53(1) Akta Letrik, 1949 Akta 116 (Disemak 1973) (Akta Letrik, 1949);
 - 1.2 Bayaran pampasan bagi kerugian terhadap tanaman, bangunan dan tanah yang terlibat dengan saluran elektrik di atas tanah milik di bawah seksyen 53(1) dan seksyen 58 Akta Letrik, 1949.
2. Menurut peruntukan seksyen 53(1) Akta Letrik, 1949, Lembaga Letrik Negara boleh memasuki sesuatu tanah milik atau tanah rizab dan seterusnya meletakkan atau memasang saluran elektrik atau membina tiang-tiang dan lain-lain alat untuk tujuan elektrik. Walau bagaimanapun, sebelum Lembaga Letrik Negara memasuki tanah-tanah tersebut, Lembaga Letrik Negara hendaklah memberi notis selama 14 hari kepada pemilik tanah atau penghuni tanah atau pegawai pegawai rizab dengan menggunakan Borang Jadual 4 Akta Letrik, 1949 serta membayar pampasan bagi kerugian terhadap tanaman dan bangunan yang terlibat dengan saluran elektrik itu. Jika ada bantahan diterima dalam tempoh 14 hari, maka keputusan Pentadbir Tanah Daerah hendaklah didapatkan dahulu. Seterusnya jika ada bantahan di atas keputusan Pentadbir Tanah Daerah, maka Pihak Berkuasa Negeri akan membuat suatu keputusan yang mana ianya adalah muktamad. Adalah menjadi dasar Lembaga Letrik Negara (LLN) menggunakan haknya di bawah seksyen 53(1) Akta Letrik, 1949 hanya untuk projek memasang saluran voltan tinggi sahaja. Bagi voltan rendah LLN memasuki tanah dengan cara perundingan dengan pemilik tanah.
3. Di bawah seksyen 58 Akta Letrik, 1949, Pentadbir Tanah Daerah bertanggungjawab untuk menetapkan nilai pampasan bagi kerugian terhadap tanaman dan bangunan yang terlibat dengan saluran elektrik. Di dalam menentukan nilai pampasan, Pentadbir Tanah Daerah boleh menetapkan suatu bayaran tahunan kepada pemilik tanah kerana kegunaan tanah untuk mendirikan tiang atau lain-lain alat bagi tujuan elektrik. Jika pemilik tanah dan lain orang-orang yang berkepentingan tidak puashati dengan nilai pampasan yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Daerah, maka mereka boleh membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dalam perkara ini adalah muktamad. Adalah menjadi dasar bahawa pampasan tidak diberi bagi pokok-pokok yang ditebang untuk memasang saluran voltan rendah iaitu saluran ke rumah-rumah.

4. Prosedur yang dinyatakan di bawah ini adalah didapati sesuai dan diperakukan untuk diikuti bagi projek memasang saluran voltan tinggi:

- 4.1 Lembaga Letrik Negara mengukur tanah untuk saluran itu;
- 4.2 Lembaga Letrik Negara mendapatkan nasihat Jabatan-jabatan seperti Perancang Bandar dan Kampung, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan lain-lain (pelan perlu disertakan);
- 4.3 Pegawai Lembaga Letrik Negara dan Pegawai Petempatan Pejabat Tanah akan bersama-sama menentukan dan menyenaraikan pokok-pokok yang terlibat dan menilaikan kerosakan dan sebagainya untuk bayaran pampasan di bawah seksyen 53(1) Akta Letrik 1949.
- 4.4 Lembaga Letrik Negara menyerahkan notis kepada pemilik tanah atau orang yang menduduki tanah yang berkenaan sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 53(2) dan (3) Akta Letrik, 1949:
- 4.5 Jika ada bantahan dibuat dibawah seksyen 53(4) Akta Letrik 1949;
 - 4.5.1 Lembaga Letrik Negara hendaklah diberitahu butir-butir penuh tentang bantahan itu;
 - 4.5.2 Pentadbir Tanah Daerah mengadakan siasatan di bawah seksyen 53(6) Akta Letrik, 1949 dan membuat keputusannya. (Peruntukan mengenai penyiasatan-penyiasatan di bawah Bab 4 Bahagian Dua Kanun Tanah Negara bolehlah diikuti untuk siasatan ini);
 - 4.5.3 Pentadbir Tanah Daerah menyampaikan keputusannya secara bertulis kepada Lembaga Letrik Negara dan pihak yang membuat bantahan dengan memberi suatu tempoh yang sesuai bagi mana-mana pihak untuk membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah Daerah;
 - 4.5.4 Jika ada dibuat rayuan di bawah seksyen 53(7) Pentadbir Tanah Daerah melaporkan penerimaan bantahan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pengarah Tanah dan Galian;
 - 4.5.5 Pihak Berkuasa Negeri membuat keputusan mengikut seksyen-seksyen 53(7) dan (8) Akta Letrik, 1949 dan menyampaikannya kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk dimaklumkan kepada Lembaga Letrik Negara dan pihak yang membuat rayuan.
- 4.6 Jika Pentadbir Tanah Daerah membenarkan kerja-kerja yang dicadangkan itu dijalankan atau jika ada rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri telah membenarkan kerja-kerja yang dicadangkan itu dijalankan:
 - 4.6.1 Pentadbir Tanah Daerah mengadakan siasatan untuk menentukan nilai pampasan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 58(1)

Akta Letrik, 1949. Pampasan di bawah peruntukan seksyen 53(1) mungkin termasuk suatu bayaran tahunan tanah untuk tiang dan alat-alat lain;

- 4.6.2 Pentadbir Tanah Daerah menyampaikan nilai pampasan yang ditetapkan kepada pemilik tanah dan orang yang berkepentingan dengan memberi suatu tempoh yang sesuai bagi orang tersebut untuk membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah Daerah dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam perkara ini adalah muktamad;
 - 4.6.3 Lembaga Letrik Negara memasuki tanah dan menjalankan kerja-kerja dan juga membayar pampasan;
 - 4.6.4 Lembaga Letrik Negara mengemukakan kepada Pendaftar di Pejabat Tanah yang berkenaan dokumen-dokumen:
 - a. dua salinan notis yang dikeluarkan oleh Lembaga Letrik Negara di bawah seksyen 53(2) Akta Letrik, 1949 yang mana di atasnya dicatatkan suatu kenyataan oleh Pentadbir Tanah Daerah bahawa tiada bantahan diterima; atau
 - b. jika ada bantahan, salinan asal keputusan Pentadbir Tanah Daerah atau keputusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 53(7) Akta Letrik, 1949 dan satu salinan keputusan-keputusan tersebut yang telah disahkan;
 - 4.6.5 Pendaftar membuat suatu ingatan mengenai hak-hak yang telah diwujudkan sebagaimana yang dinyatakan dalam notis di perenggan 4.4 atau keputusan di perenggan 4.5 ke atas dokumen hakmilik daftar;
 - 4.6.6 Satu salinan notis di perenggan 4.4 atau salinan asal keputusan di perenggan 4.5 yang telah dibuat ingatan ke atas dokumen hakmilik daftar dan disahkan oleh Pendaftar hendaklah dikembalikan kepada Lembaga Letrik Negara.
- 4.7 Jika selepas menyerahkan notis di bawah seksyen-seksyen 53(2) dan (3) Akta Letrik, 1949 tiada bantahan dibuat di bawah seksyen 53(4) Akta Letrik, 1949 maka tindakan-tindakan seperti dalam perenggan 4.5.1 hingga 4.5.5 di atas tidaklah perlu diambil tindakan. Pentadbir Tanah Daerah terus mengambil tindakan seperti perenggan 4.6.1 hingga 4.6.6 selepas tindakan perenggan 4.4.
5. Prosedur yang dinyatakan di bawah ini adalah diperakukan untuk diikuti bagi kerja-kerja Lembaga Letrik Negara untuk memasang saluran voltan rendah:
- 5.1 Lembaga Letrik Negara mengukur tanah untuk saluran itu dan menandakan pokok-pokok yang perlu ditebang;

- 5.2 Lembaga Letrik Negara mendapatkan butir-butir pemilikan tanah dan Pejabat Tanah;
 - 5.3 Lembaga Letrik Negara mendapatkan persetujuan bertulis daripada pemilik tanah dan memulakan kerja;
 - 5.4 Jika persetujuan bertulis tidak didapati dan pemilik tanah menuntut pampasan, Lembaga Letrik Negara membuat laporan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah Daerah dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri;
 - 5.5 Pentadbir Tanah Daerah mengemukakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri kepada Lembaga Letrik Negara untuk dilaksanakan.
6. Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dinasihatkan supaya mengikut prosedur yang tersebut di perenggan-perenggan 4 dan 5 di atas apabila mengambil tindakan memasuki tanah milik untuk memasang saluran voltan tinggi dan rendah.
7. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 13/1980 adalah dengan ini dibatalkan.

KKTKW/101/264

31hb Januari, 1987



DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HAJI NORDIN,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*